"Kerajaan Malaysia ingin memastikan bahawa impak terhadap peningkatan kos makanan ini diminimumkan oleh rakyat.

"Sebab itu, pelbagai langkah dan tindakan diambil (kerajaan) antaranya subsidikan harga beberapa jenis makanan agar rakyat dapat membeli di bawah paras harga sebenar," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di sini pada Khamis.

Kerajaan pada 29 Jun lalu, mengumumkan harga siling ayam standard ditetapkan pada RM9.40 sekilogram, manakala harga siling runcit telur ayam bagi gred A adalah pada 45 sen/biji; gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji) di Semenanjung Malaysia, berkuat kuasa 1 Julai 2022.

Ronald berkata, perbezaan antara harga jualan dan harga sebenar, ditampung kerajaan melalui pemberian subsidi.

"Kami letakkan harga RM9.40 sekilogram bagi harga ayam standard dan perbezaan ini ditampung kerajaan melalui subsidi yang akan beri impak kewangan lebih RM360 juta termasuk harga subsidi telur ayam.

"Itu langkah diambil bagi mengurangkan impak terhadap peningkatan kos sara hidup yang sedang dialami rakyat," katanya.

Sementara itu, ketika berucap, Ronald berkata, Jawatankuasa Sekuriti Makanan yang dibentuk menerusi kerjasama kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, menjadi pemangkin pengurusan sumber yang lebih cekap dan mampan.

"Sewajarnya, pemerkasaan sektor agromakanan dapat dilaksanakan melalui peningkatan produktiviti, pengukuhan sistem sokongan dan perkhidmatan serta pengurusan sumber yang cekap dan mampan," katanya.




Selasa lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Jawatankuasa Sekuriti Makanan peringkat negeri dan daerah akan ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang sinergi antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Perkara tersebut diputuskan dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang dipengerusikannya pada hari tersebut yang turut dihadiri menteri-menteri kabinet berkaitan. *- Bernama*

## Import ayam tidak ditambah

**BAGAN SERAI -** Import ayam dari Thailand yang dilaksanakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) tidak akan ditambah susulan pengusaha di Malaysia sudah kembali menternak ayam.

Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, sebelum ini kerajaan membenarkan import ayam oleh mana-mana pihak dalam usaha menambah stok penimbal di negara ini.

Bagaimanapun katanya, memandangkan permintaan bertambah, ramai pengusaha kembali menternak ayam termasuk agensi kerajaan seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Pertubuhan Peladang Kawasan, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan sebagainya.

"Setakat ini mencukupi. Sekarang apabila banyak agensi menternak ayam, ia akan menambah stok penimbal. Seperti PPK di sebelah Johor, mereka ada kilang proses ayam, reban ayam, kilang anak ayam. Kerajaan sudah suntik dana. Di beberapa negeri seperti Perak, Kelantan, Selangor sudah memulakan gerak kerja tersebut.

"Insya-ALLAH industri ayam akan berkembang pesat di negara kita dan ia menjadi *check and balance* kepada syarikat ayam yang lain," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan Gunung Semanggol/Selinsing di sini pada Khamis.

Jelasnya, import ayam ketika ini perlahan disebabkan harga dalam negara lebih murah berbanding Thailand, Vietnam dan Kemboja.

Pada Rabu, Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim menjelaskan inisiatif pelaksanaan stok penimbal ayam oleh LPP dijangka mampu menampung 20 peratus bekalan dalam negara menerusi pengimportan 4,536 metrik tan sumber protein berkenaan secara berperingkat dari Thailand, sehingga hujung Julai nanti.

## RM9.40 sekilogram terlalu tinggi buat B40

**GEORGETOWN -** Harga siling ayam standard yang ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 sekilogram disifatkan sebagai sangat tinggi untuk golongan berpendapatan rendah (B40).

Pegawai Pendidikan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), NV Subbarow berkata, harga itu akan membebankan golongan B40 berikutan situasi ekonomi tidak menentu.

"Tinjauan kita mendapati, harga siling yang ditetapkan adalah terlalu tinggi.

"Ia akan membebankan golongan berpendapatan rendah," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.


SUBBAROW

Sebelum ini, Mesyuarat Jemaah Menteri mengambil keputusan untuk tidak mengapungkan harga ayam sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM9:40 sekilogram bagi Semenanjung Malaysia mulai hari ini.

Subbarow turut memohon agar pihak berkuasa memastikan ayam yang dipotong tidak dikenakan caj oleh peniaga.

"Dengan mengenakan caj untuk memotong ayam, ia akan menyebabkan harga ayam semakin meningkat.

"Sudahlah harga siling RM9.40 sekilogram, ditambah pula caj potong antara RM1 hingga RM2," katanya.

Beliau meminta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi perhatian serius berhubung isu caj potong ayam itu.

## Kekang kenaikan ketara inflasi makanan - MIDF Research

**KUALA LUMPUR -** Langkah kerajaan menetapkan harga siling runcit baharu bagi ayam dan telur dapat membantu mengekang pelarasan lebih besar yang meningkatkan lagi inflasi makanan.

MIDF Research memaklumkan, usaha itu penting memandangkan inflasi makanan tersebut telah mencecah paras tinggi untuk beberapa tahun berdasarkan data Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Mei 2022.

"Sebagai contoh, harga siling baharu ayam pada RM9.40 sekilogram untuk Semenanjung Malaysia meningkat sebanyak 5.6 peratus daripada paras sebelumnya pada RM8.90 sekilogram.

"(Jumlah) itu lebih kecil daripada jangkaan kenaikan sekitar RM10 hingga RM12 sekilogram jika harga ayam diapungkan," maklumnya pada Khamis.

MIDF Research juga menyifatkan keputusan Lembaga Pertubuhan Peladang untuk mengimport 4,500 tan ayam dari Thailand berupaya menstabilkan bekalan ayam di pasaran domestik selain mengehadkan tekanan kenaikan harga pada masa ini. *- Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

# Harga siling baru kekang kenaikan kadar inflasi

**Kuala Lumpur:** Langkah kerajaan menetapkan harga siling runcit baharu bagi ayam dan telur dapat membantu mengekang pelarasan lebih besar yang meningkatkan lagi inflasi makanan secara menyeluruh, kata MIDF Research.

Menurutnya, ini penting memandangkan inflasi makanan tersebut sudah mencecah paras tinggi untuk beberapa tahun berdasarkan data Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi Mei 2022.

"Sebagai contoh, harga siling baharu ayam pada RM9.40 sekilogram untuk Semenanjung Malaysia yang meningkat sebanyak 5.6 peratus daripada paras sebelumnya pada RM8.90 sekilogram.



KEPUTUSAN LPP untuk mengimport 4,500 tan ayam dari Thailand berupaya menstabilkan bekalan ayam di pasaran domestik

"(Jumlah) itu lebih kecil daripada jangkaan kenaikan sekitar RM10 hingga RM12 sekilogram jika harga ayam diapungkan," katanya dalam nota tinjauannya, semalam.

MIDF Research juga menyifatkan keputusan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk mengimport 4,500 tan ayam dari Thailand berupaya menstabilkan bekalan ayam di pasaran domestik selain mengehadkan tekanan kenaikan harganya pada masa ini.

"Bagi tempoh-tempoh seterusnya, kami menjangkakan kerajaan akan terus meninjau lebih banyak inisiatif untuk meredakan tekanan kenaikan harga makanan untuk jangka panjang," katanya.

Mengulas prospek inflasi, MIDF Research mengunjurkan inflasi IHP itu sekitar 2.8 peratus pada 2022, meningkat daripada 2.5 peratus pada tahun lalu dengan mengambil kira inflasi makanan yang lebih pantas selain peningkatan berterusan dalam aktiviti perbelanjaan domestik bagi tahun ini.

Kelmarin, Jemaah Menteri memutuskan untuk tidak mengapungkan harga ayam sebaliknya meneruskan subsidi dan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM9.40 sekilogram di Semenanjung Malaysia mulai 1 Julai.

Serentak dengan keputusan itu, harga runcit telur ayam ditetapkan pada kadar 45 sen sebiji untuk gred A manakala gred B (43 sen sebiji) dan gred C (41 sen) di Semenanjung Malaysia.

---

Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

## PENIAGA TURUT TERKESAN HARGA BARANGAN MENTAH NAIK

# Untung dah tak seberapa



PENGUNJUNG memilih sayur-sayuran ketika tinjauan harga barang keperluan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur, semalam. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

Kesan inflasi selain masalah logistik dan kekurangan bekalan menyebabkan berlaku peningkatan harga barangan mentah dan asas di pasaran.

Tinjauan di Pasar Chow Kit di sini, mendapati peniaga mengeluh harga barangan meningkat dan terpaksa bertahan dengan keuntungan yang tidak seberapa.

Peniaga sayur, Suhaimi Mohd Ali, 50, yang mengusahakan perniagaan itu sejak empat tahun lalu berkata, majoriti harga barangan diambil dari pembekal mengalami kenaikan sebanyak 20 peratus sejak sebelum Aidilfitri.

"Harga ditawarkan pembekal tidak menentu kadangkala naik dan kadangkala turun. Biasanya perbezaannya dalam 20 peratus dan selalunya pembekal akan menaikkan harga terutama pada hujung minggu kerana permintaan tinggi selain pada musim perayaan.

"Contohnya harga semasa untuk cili api ialah RM15 sekilogram berbanding RM12 sebelum Aidilfitri manakala timun naik RM1 berbanding dahulu hanya RM4 untuk sekilogram.

"Ada juga sayur macam kacang panjang naik dua kali ganda, biasanya hanya RM7 kini harganya mencecah RM14 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, masalah bekalan kurang dan logistik selain kesan inflasi antara faktor mempengaruhi kenaikan harga berkenaan.

"Saya tidak berapa pasti puncanya tetapi selalu dengar pembekal cakap pengeluaran kurang terutama sayur dari Thailand selain masalah penghantaran dan mungkin juga kesan inflasi.

"Kita jual ikut apa kita dapat. Kalau harga pembekal naik, kita terpaksa juga naikkan sedikit harga kepada pembeli.

"Kadangkala memang nampaklah reaksi pembeli macam tidak puas hati dan marah sebab kita jual dengan harga sebegitu tetapi apa boleh buat. Kita pun bukan ambil untung banyak kerana satu jenis sayur untung antara 20 hingga 30 peratus sahaja.

"Itu belum lagi isu kualiti sayur, ikut nasib contoh cili besar kalau kita beli 20 kilogram dengan pembekal, pasti dalam dua hingga lima peratus akan dibuang kerana tidak elok atau busuk," katanya.



GERAI penjual ikan di Pasar Chow Kit, Kuala Lumpur.

Peniaga rempah ratus dan bawang yang mahu dikenali sebagai Ana, 44, berkata, dia terpaksa berniaga sekadar cukup melepaskan perbelanjaan modal sahaja bagi memastikan pengguna tidak terlalu terbeban dengan kenaikan harga.

*"Kita jual ikut apa kita dapat. Kalau harga pembekal naik, kita terpaksa juga naikkan sedikit harga kepada pembeli"*

**Suhaimi**

"Saya perasan harga makin ketara naik sejak dua hari lalu apabila saya perlu membayar RM55 untuk empat kilogram bawang siam berbanding RM35 sebelum ini, begitu juga dengan bawang holand dahulu RM28 tetapi sekarang mencecah RM34.

"Tetapi saya masih kekalkan harga lama iaitu RM6 untuk sekilogram bawang siam manakala RM5 sekilogram bawang holand.

"Mungkin akan terus berlaku peningkatan harga lagi tetapi buat masa ini saya hanya jual seadanya dengan tidak mengambil untung banyak, kalau ada pun 20 ke 30 sen sahaja satu barang," katanya.

Pembantu kedai buah, Hafiz Ismail, 28, berkata, mereka turut terkesan dengan kenaikan harga ketara dikenakan pembekal sejak dua minggu lalu.

"Contoh epal Fuji kalau dahulu sekotak yang mengandungi 88 biji kita bayar kepada pembekal antara RM90 hingga RM95 tetapi sekarang mencecah RM110 ke RM115 sekotak, sama juga dengan limau dahulu RM60 sekotak dan sekarang mencecah RM85 ke RM100.

"Kesannya nampaklah orang kurang membeli kerana mungkin bagi mereka mahal tetapi kami tiada pilihan dan sebenarnya harga itu kita dapat untung tidak banyak mana pun. Kadangkala tidak lepas modal pun kerana kalau tidak habis jual, lama-lama busuk," katanya.

Sementara itu, peniaga ikan, Zul Hafiz, 32, berkata, sumber laut tidak mengalami kesan kenaikan harga daripada pembekal.

"Kita masih menjual ikan dengan harga biasa kerana tiada masalah daripada pembekal.

"Contohnya ikan mabong kalau ambil dengan pembekal RM8 sekilogram, biasanya kita akan jual kepada pengguna dengan harga RM10 sekilogram.

"Buat masa ini ikan tiada masalah, selalunya harga ikan akan naik ketara apabila musim banjir, tengkujuh atau bulan terang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 8 |


HARGA SILING: WAJAR ATAU TIDAK?

# Debat harga ayam!


Oleh Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my


**Kuala Lumpur**

Harga ayam sepatutnya diapungkan untuk menyeimbangkan penawaran dan permintaan supaya semua pihak tidak terbeban.

Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor Idrus Zainal Abidin berkata, jika kerajaan tidak membuat pusingan U dengan mengapungkan harga ayam seperti keputusan asal, kemungkinan pengguna dapat menikmati harga lebih rendah dan mewujudkan persaingan sihat dalam kalangan pemain industri.

"Kalau harga ayam diapungkan, tidak semestinya kami pemain industri ini akan jual mahal paling maksimum pun mungkin RM10.50.

"Apabila kita bersaing secara sihat, secara tidak langsung akan dapat memberikan harga lebih rendah kerana permintaan banyak.

"Namun apabila harga ditetapkan RM9.40, ia akan menyusahkan pasaran dan sudah pasti memberi impak lain termasuk kenaikan harga makanan di luar," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, industri terbabit lebih terbuka berbanding produk lain seperti susu atau beras yang bekalannya boleh disimpan lama.

"Ayam dan telur kita tidak boleh simpan lama, paling lama pun macam ayam boleh simpan tiga minggu sahaja, selepas itu ayam sudah merah dan busuk.

"Macam telur pula, tidak menjadi isu terlalu besar berbanding ayam kerana kenaikannya pun hanya beberapa sen," katanya.



KERAJAAN menetapkan harga siling runcit ayam standard untuk Semenanjung pada RM9.40 sekilogram bermula hari ini. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, mungkin impak penetapan harga siling ayam tidak terlalu besar namun kerajaan perlu memikirkan kaedah bersesuaian untuk memastikan golongan M40 tidak terbeban.

"Mungkin ada kesan dalam rantaian, tetapi tidak terlalu besar kerana pada masa sama, kerajaan sudah menyediakan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) untuk B40.

"Namun untuk golongan lain seperti M40 terutama yang tinggal di bandar walaupun bergaji antara RM5,000 sekalipun masih tidak mencukupi, jadi penetapan harga siling ini sudah pasti memberi kesan.

"Jadi, kerajaan perlu memikirkan kebajikan golongan ini juga," katanya.

> "Ia akan menyusahkan pasaran dan sudah pasti memberi impak lain"
> Idrus

Sementara itu, Profesor Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM) Dr Irwan Shah Zainal Abidin pula berpandangan, langkah penyelesaian menyeluruh perlu ada bagi mengatasi masalah kenaikan harga dan memastikan bekalan mencukupi.

"Kalau kita tengok sebelum ini ketika harga ayam ditetapkan kepada RM8.90 sekilogram, harga barangan makanan sudah pun naik dan bekalan tidak mencukupi.

"Sekarang apabila kerajaan menetapkan harga RM9.40, ada dua aspek iaitu pengguna terutama golongan B40 merasakan harga itu agak tinggi, tetapi bagi pengeluar pula, mereka kata harga ini tidak mahal kerana kos input ada yang kata melebihi RM10," katanya.

Menurutnya, penetapan harga siling ini akan memberi implikasi kepada semua rantaian lain termasuk pengguna.

Mulai hari ini, kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam standard untuk Semenanjung pada RM9.40 sekilogram.

Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang kelmarin turut bersetuju menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 45 sen sebiji bagi gred A, gred B (43 sen sebiji) dan gred C (41 sen sebiji).

Sebelum ini, kerajaan menetapkan harga siling ayam pada RM8.90 sekilogram sebelum harga itu diputuskan akan diapungkan mulai hari ini.

Bagaimanapun kerajaan membatalkan rancangan itu dan memutuskan tidak mengapungkan harga ayam sebaliknya meneruskan subsidi.

# Peniaga akui terpaksa naikkan harga makanan

**Kuala Lumpur:** Penetapan harga siling baharu ayam yang berkuatkuasa hari ini mengakibatkan peniaga makanan terpaksa menaikkan harga jualan mereka.

Ia diakui peniaga sate, Siti Mastura Bambam, 28, yang terpaksa menaikkan harga sate ayam sebanyak RM1 disebabkan penetapan harga siling ayam dari RM8.90 kilogram (kg) ke RM9.40 kg.

Menurutnya, sate ayam yang dijualnya berharga RM5 untuk enam cucuk terpaksa dinaikkan kepada RM6 untuk lima cucuk berserta nasi impit.

"Kenaikan harga ayam segar memang menjejaskan perniagaan sate selain terpaksa mengambil kira faktor peningkatan kos bahan mentah seperti kacang tanah, minyak dan plastik.

"Sejak Aidilfitri tahun ini, perniagaan saya juga kurang mendapat sambutan kerana kebanyakan pelanggan memilih untuk berjimat disebabkan kenaikan kos sara hidup.

"Kalau dahulu, 500 pek sate ayam dan daging dapat dijual tetapi sekarang ini hanya 200 pek sate terjual untuk satu hari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Siti Mastura berkata, keuntungan yang diperoleh untuk satu pek sate hanyalah RM2 berbanding dahulu RM2.50.

Peniaga nasi lemak, Jamil Abdul Hamid, 62, berkata, dia akan menaikkan harga sebanyak 50 sen untuk nasi lemak ayam kerana tersepit dengan situasi sekarang.

"Harga nasi lemak ayam dijual adalah RM4.50, namun pada 1 Julai ini, saya akan menaikkan harga hingga RM5. Harga ayam

> *Kenaikan harga ayam segar memang menjejaskan perniagaan sate selain terpaksa mengambil kira faktor peningkatan kos bahan mentah seperti kacang tanah, minyak dan plastik"*
> Siti Mastura Bambam

seketul juga akan dijual RM3.50 ke RM4.

"Selain itu, harga telur ayam sepapan sudah meningkat dari RM11 ke RM12 tetapi saya 'tutup mata' sahaja dengan mengekalkan RM1 untuk sebiji telur goreng.

"Sebagai peniaga, saya memang terkesan dengan peningkatan ini namun saya terpaksa juga beli untuk meneruskan perniagaan yang diusahakan sejak 22 tahun lalu," katanya.

Seorang lagi peniaga nasi lemak, Zura Aini Yusaf, 45, berkata, walaupun harga ayam sudah lama naik, dia masih tidak sampai hati untuk menaikkan harga jualannya.

"Saya tidak sampai hati nak jual mahal sebab saya fikir juga kos sara hidup pembeli yang semakin meningkat, malah kebanyakan mereka sedang berjimat dalam berbelanja.

"Bukan sahaja harga ayam malah harga telur ayam, kacang tanah dan timun juga naik.

"Harga ayam di kedai runcit sudah lama naik walaupun masih belum 1 Julai lagi," katanya.

# 'Tiada keperluan untuk import ayam'

**Bagan Serai:** "Bekalan ayam negara kita masih mencukupi dan tiada keperluan untuk mengimportnya dari luar negara selepas ini," kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi.

Menurutnya, langkah kerajaan menternak ayam berskala besar melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) membantu meningkatkan bekalan sumber itu.

"Bagaimanapun, memandangkan permintaan ayam ketika ini semakin bertambah, ramai pengusaha kembali menternak ayam termasuklah agensi kerajaan seperti Nafas, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Angkasa dan sebagainya.

"Seperti PPK di sebelah Johor, mereka ada kilang proses ayam, reban ayam, kilang anak ayam pun kita ada.

"Bila kita uruskan semuanya sendiri, industri ayam ini akan berkembang pesat dan ia akan jadi *check and balance* kepada syarikat-syarikat ayam yang lain," katanya kepada media selepas mengadakan lawatan kerja ke Pejabat PPK Gunung Semanggol/Selinsing di sini, semalam.

> *Seperti PPK di sebelah Johor, mereka ada kilang proses ayam, reban ayam, kilang anak ayam pun kita ada"*
> Nik Muhammad Zawawi



Hadir sama, Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria dan Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Perak Datuk Sham Mat Sahat.

Nik Muhammad Zawawi berkata, import ayam ketika ini perlahan disebabkan harga di dalam negara lebih murah berbanding negara lain seperti Thailand, Vietnam dan Kemboja.

Kelmarin, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Datuk Azulita Salim menjelaskan inisiatif pelaksanaan stok pengimbal ayam oleh agensi itu dijangka mampu menampung 20 peratus bekalan dalam negara menerusi pengimportan 4,536 metrik tan sumber protein berkenaan secara berperingkat dari Thailand sehingga hujung Julai hadapan.

Pengimportan bekalan ayam itu bertujuan menjadi stok pengimbal dalam mengimbangi sebarang ketidakstabilan atau kenaikan harga sekiranya ada kawasan yang dilaporkan berlaku kekurangan bekalan sumber protein di seluruh negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |



# Harian Metro

RASAI BERITA SEBENAR

ANGKARA PENGKHIANAT ALAM

## SUNGAI CHANDONG JADI MERAH

MS5

PENETAPAN HARGA SILING RM9.40 SEKILOGRAM

## OH AYAM

"Harga ayam sepatutnya diapungkan untuk menyeimbangkan penawaran dan permintaan supaya semua pihak tidak terbeban,"
Idrus Zainal Abidin,
Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor.

"Kaedah bersesuaian perlu difikirkan untuk memastikan kepentingan golongan M40 juga,"
Mohd Yusof Abdul Rahman,
Timbalan Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA).

"Langkah penyelesaian menyeluruh perlu ada bagi mengatasi masalah kenaikan harga dan memastikan bekalan ayam mencukupi,"
Dr Irwan Shah Zainal Abidin,
Profesor Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

65 TAHUN WADAH PEMBAHARUAN BH



JAS, polis gempur premis disyaki menyebabkan Air Sungai Chandong di Pulau Indah berwarna merah

Nasional 9

Presiden PPRS didakwa terbabit jual kad program pengumpulan data orang tiada warganegara

Nasional 20



5 negeri catat prestasi KDNK lebih baik daripada pencapaian nasional 2021

Bisnes 44

# Pembeli dijangka bayar lebih daripada harga siling ayam



Oleh Mohamed Farid Noh dan Mohd Azam Jalil
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Harga runcit ayam segar mungkin tidak dapat dijual pada harga siling baharu RM9.40 kilogram (kg) di sesetengah kawasan berikutan peruncit dijangka terus berdepan dengan beban kos.

Perkara itu antara keluhan utama peruncit serta penjual ayam segar yang dinyatakan kepada pembekal ayam selepas kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada kadar RM9.40 sekilogram berkuat kuasa hari ini.

Setiausaha Persatuan Penternak Unggas (Kecil dan Sederhana) Negeri Johor, Lau Ka Leng, berpendapat harga siling ayam sebenarnya perlu ditetapkan melebihi RM10 sekilogram bagi memberi kelegaan kepada harga akhir yang akan dikenakan peruncit kepada pembeli.

Nasional 6

## Berkuat kuasa hari ini

- Harga siling ayam dinaikkan daripada RM8.90 sekilogram (kg) kepada RM9.40 /kg
- Subsidi minyak masak berbotol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg dimansuhkan



- Kelonggaran tidak perbaharui Lesen Memandu Malaysia (LLM) sejak 2020 tamat
- Pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) untuk kenderaan penumpang ditamatkan

Nasional 6

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Subsidi tambahan RM1 bilion untuk ayam, telur hingga Ogos

## Kerajaan sudah salur bantuan tunai tambahan RM630j kepada penerima BKM

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan menyediakan RM1 bilion subsidi tambahan untuk ayam dan telur bagi tempoh dua bulan, iaitu sehingga Ogos ini bagi membantu rakyat menangani cabaran kos sara hidup.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata kerajaan turut menyediakan bantuan tunai tambahan RM630 juta yang sudah dibayar kepada penerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) bermula Isnin lalu.

"Merujuk kepada pengumuman Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) semalam (kelmarin) mengenai subsidi ayam dan telur, peruntukan subsidi bagi tahun ini ditambah RM370 juta bagi Julai dan Ogos, menjadikan unjuran perbelanjaan subsidi bagi tahun ini sebanyak RM77.7 bilion.

"Bagi tempoh lima bulan iaitu Februari hingga Jun, kerajaan menyediakan peruntukan sekitar RM730 juta bagi menampung subsidi harga ayam dan telur.

"Hakikatnya, kerajaan sentiasa meningkatkan bantuan dan subsidi kepada rakyat untuk membantu menangani cabaran kos sara hidup.

"Kerajaan akan terus melaksanakan pemberian subsidi dan bantuan tunai bagi melindungi rakyat daripada beban kenaikan kos sara hidup," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menerusi perkongsian data, Tengku Zafrul berkata, harga ayam di Thailand bagi berat sekitar 1.2 kilogram (kg) hingga 1.4kg dijual dengan harga RM11.65, manakala Indonesia (RM12.44), Brunei (RM14.65), Singapura (RM24.25), Filipina (RM16.59) dan Vietnam (RM23.09 bagi 1.2kg hingga 1.4kg).



*Orang ramai membeli telur yang dijual di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Faiz Anuar/BH)

Beliau berkata, tekanan inflasi tahun ini adalah fenomena global yang mana harga minyak mentah Brent kekal melebihi AS$100 (RM440.75) satu tong sejak hujung Mac lalu.

"Gangguan rantaian bekalan dunia yang menjejaskan bekalan baja dan makanan ternakan menyebabkan fenomena ini meningkatkan harga makanan dengan mendadak.

"Sebagai negara ekonomi terbuka, Malaysia tidak terkecuali daripada tekanan inflasi global. Ini bermakna, kenaikan harga barangan tidak boleh dielak sepenuhnya," katanya.

Memperincikan mengenai kenaikan inflasi, Tengku Zafrul berkata, kadar inflasi di negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom mencecah sembilan peratus, Thailand (tujuh peratus) dan Singapura serta Filipina melebihi lima peratus.

Berdasarkan simulasi Jabatan Perangkaan Negara, katanya, kadar inflasi Malaysia bagi Mei boleh mencecah sehingga 11.4 peratus namun dasar subsidi membantu membendung inflasi di negara ini pada tahap 2.8 peratus.

# Peruncit dijangka letak caj tambahan pemotongan

Dari Muka 3

"Bagi penternak, kami tidak ada masalah kerana kerajaan akan meneruskan subsidi ayam. Namun, kita bimbang dengan harga runcit akhir selepas melalui peringkat pemborong atau pembekal sehingga ke peruncit.

"Harga ayam dari ladang bermula RM6.50 setiap kilogram sebelum tiba pada peringkat pemborong dan peruncit.

"Kita jangkakan peruncit sama ada akan menjual mengikut harga siling RM9.40 sekilogram, namun terpaksa meletakkan caj tambahan pemotongan atau terus meletakkan melebihi harga lebih tinggi berbanding harga siling berikutan kos tinggi yang ditanggung," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM9.40 sekilogram berkuat kuasa hari ini, iaitu kenaikan 50 sen berbanding kadar semasa RM8.90.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee ketika mengumumkannya, berkata Jemaah Menteri turut bersetuju untuk menetapkan harga siling runcit telur ayam pada kadar 45 sen sebiji bagi gred A, Gred B ((43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji). Penetapan harga ayam standard dan telur ayam itu membabitkan Semenanjung.

Kelmarin, Persekutuan Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) bersetuju dengan kadar baharu harga siling runcit ayam standard dan telur ayam, namun sukar untuk menentukan sama ada kadar baharu itu kompetitif atau sebaliknya berikutan perincian mekanisma subsidi belum diperincikan.

Presidennya, Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee, berkata FLFAM memang setuju sekiranya kerajaan mahu mengawal harga, tetapi tidaklah sampai menjejaskan kos operasi yang perlu ditanggung penternak.

Dalam pada itu, peniaga ayam di Pasar Borong Pandan, Johor Bahru, Edyham Ali berkata, kebanyakan peniaga ayam segar mengambil sikap tunggu dan lihat sebelum dapat meletakkan harga akhir ayam segar hari ini.

Katanya, peniaga ayam segar terus terbeban dengan harga ayam tinggi berikutan dikenakan caj pengangkutan yang sentiasa berubah-ubah antara 80 sen hingga RM1.80 sen, sekali gus mempengaruhi harga akhir ayam dijual kepada pengguna.

"Hari ini (semalam), contohnya ayam segar sampai pada harga RM8.10 setiap kilogram. Setiap kilogram ayam dihantar dikenakan caj pengangkutan 80 sen.

"Harga ayam diterima peniaga daripada pembekal pun sudah RM8.90 sekilogram menyebabkan memang kebanyakan peniaga tidak dapat jual mengikut harga siling RM8.90 ditetapkan kerajaan sebelum ini.

"Jika harga ayam sampai esok pun sama RM8.90 setiap kilogram, bagaimana kami nak ikut harga siling baharu RM9.40 esok?

"Peniaga hanya dapat 50 sen untung jual ayam setiap kilo, namun perlu tanggung bayaran sewa lot niaga, bil utiliti dan gaji pekerja. Memang tak balik modal dan rugi," katanya.

Edyham berkata, pembekal juga memaklumkan peniaga, caj pengangkutan akan diteruskan dengan bayaran mengikut keadaan semasa.

Di **Seremban**, Pengerusi Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Kecil Negeri Sembilan (PPPKNS) Cawangan Seremban, Mohamad Yusoff, berkata harga siling baharu itu masih tinggi kerana itu adalah harga minimum yang perlu dibayar oleh pengguna dan tidak termasuk caj lain yang akan dikenakan peniaga seperti upah potong antara 50 sen hingga RM1 bagi setiap kilogram ayam.

"Ini bermakna jika pengguna membeli lebih daripada seekor, mereka sudah tentu akan dikenakan caj tambahan.

"Saya berpandangan kerajaan perlu kekalkan harga siling sedia ada iaitu RM8.90 sekilogram kerana harga itu juga sudah dianggap tinggi dan jika hendak naikkan pun mungkin sekadar RM9 sekilogram," katanya.

Aktivis pengguna, Mohd Fadil Baharuddin, 50, dari Senawang juga mengakui harga siling ayam standard ditetapkan itu masih membebankan orang ramai terutama mereka dalam kalangan B40.

Katanya, harga RM9 sekilogram mungkin lebih sesuai bagi memberi 'situasi menang-menang' antara pengguna dengan peniaga.

"Kenaikan 50 sen bagi setiap sekilogram ayam standard itu dianggap tinggi bagi pengguna berpendapatan rendah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 5 |

Oleh NOOR HASLIZA NUSI, MOHD. AZLI ADLAN, KHAIRUL MOHD. ALI, ABDUL RAZAK IDRIS dan DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

Pengguna berharap harga siling baharu ayam, telur dipatuhi peniaga

# Ambil tindakan peniaga tamak

**JOHOR BAHRU** – Pengguna berharap keputusan kerajaan menetapkan harga siling ayam dan telur berkuat kuasa hari ini akan dipatuhi peniaga di seluruh negara.

Seorang pekerja swasta, Siti Maishara Supaid, 37, berkata, dia tiada pilihan selain daripada akur dengan peningkatan harga siling bahan mentah itu.

Namun katanya, dalam masa sama dia berharap kerajaan akan menguatkuasakan perkara tersebut dan mengenakan tindakan tegas terhadap peniaga yang masih mengambil kesempatan.

"Hendak kata gembira tipulah kerana semua barang sudah semakin naik harga ketika ini, namun saya berharap penetapan harga siling baharu khususnya bagi ayam dan telur akan dapat memastikan tiada peningkatan mendadak di pasaran.

"Maksudnya, saya berharap tiada lagi peniaga ambil kesempatan meningkatkan harga jualan ayam sehingga RM12 atau RM15 sekilogram seperti yang tular baru-baru ini," katanya semalam.

Ujar ibu kepada tiga orang anak itu, dia berharap peningkatan harga siling ayam dan telur itu tidak kekal sebaliknya boleh diturunkan semula apabila harga barangan semasa terkawal.

Sementara itu, seorang lagi pengguna, Siti Nurdzilah Awaluddin, 36, memberitahu, dia berharap langkah kerajaan itu dapat memastikan bekalan barangan berkenaan sentiasa mencukupi dan mudah untuk diperoleh.

"Sebelum ini, kita dengar banyak alasan kenaikan harga ayam dan telur adalah disebabkan permintaan tinggi dan barangan berkenaan sukar diperoleh, sudahlah susah cari tetapi apabila ada mahal pula harganya.

"Jadi, saya harap penetapan harga siling ini pada akhirnya akan memberi manfaat kepada pengguna kerana kami adalah yang paling terkesan," katanya.

Di **Kuala Langat**, walaupun akur dengan penetapan harga siling ayam itu, namun peningkatan sebanyak 50 sen tetap membebankan dan memberikan kesan pada perbelanjaan harian.

Rata-rata pengguna turut meminta penguatkuasaan lebih ketat susulan 'permainan' harga tetap berlaku walaupun harga siling ditetapkan seperti sebelum ini.

Seorang suri rumah, Titik Bujang, 56, berkata, kenaikan harga ayam menyebabkan kos membeli barang makanan meningkat.

"Dulu RM8.90 sekilogram dan kini RM9.40. Kalau tiga kilogram sudah ada tambahan RM1.50.

"Dulu peniaga pun tertekan dan sukar patuh sebab pembekal berikan harga tinggi kepada peniaga. Selagi kos ternak dan bahan makanan ruminan tidak dikawal selagi itu masalah tidak selesai," katanya.

Seorang lagi pengguna, Zuraimi Razali, 30, berharap harga siling ayam tidak akan dinaikkan lagi kerana akan menambah perbelanjaan harian.

"Sebelum ini ada ura-ura harga ayam akan naik RM11 hingga RM15 sekilogram dan pengumuman semalam sedikit melegakan.

"Harap tiada kenaikan lagi sebab ramai masih mempunyai gaji pada tahap sama," katanya.

Di **George Town**, seorang pengguna, Norhayati Mahmud, 46, berkata, dia sekeluarga kini terpaksa berfikir panjang untuk membeli hanya seekor ayam standard di pasar memandangkan harganya masih mencecah lebih RM20 seekor.

Katanya, dia juga terpaksa membuat pilihan harga ketika urusan pembelian barangan dapur terutama bahan mentah harian di pasar awam atau kedai runcit berikutan berlaku kenaikan harga yang mendadak.

"Kami empat beranak kini terpaksa melupakan hidangan ayam. Sebelum ini, seekor ayam hanya mampu bertahan selama dua hari tetapi hari ini belum tentu kami dapat membelinya pada harga bawah RM15 seekor untuk menu setiap dua kali seminggu.

"Sebahagian ayam kini dijual RM8, itupun saiz kecil. Ayam untuk kami sekeluarga kini hanya dinikmati sekali sebulan ketika gaji," katanya.

Pegawai Penyelidik Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N. V. Subbarow berkata, CAP minta Kementerian Pertanian memberi jaminan kepada pengguna yang penjual ayam tidak akan mengenakan sebarang caj tambahan termasuk upah potong ayam.




**PENGGUNA** berharap agar pihak peniaga mematuhi penetapan harga siling ayam yang dibuat kerajaan. – GAMBAR HIASAN

> "Dulu peniaga pun tertekan dan sukar patuh sebab pembekal berikan harga tinggi kepada peniaga. Selagi kos ternak dan bahan makanan ruminan tidak dikawal selagi itu masalah tidak selesai."
>
> TITIK BUJANG

# Penjual 'kunci mulut', dakwa harga 'dikawal' pembekal

**MELAKA** – Rata-rata peniaga ayam di negeri ini mengambil langkah 'kunci mulut' apabila ditanya mengenai penetapan harga siling baharu ayam standard RM9.40 daripada RM8.90 sekilogram mulai hari ini.

Usaha *Kosmo!* untuk mendapatkan respons mereka di sebuah pasar awam di sini mengenai penetapan itu bagaimanapun gagal.

Beberapa peniaga ditemui memaklumkan enggan memberi komen ekoran penetapan itu hanya akan dikuat kuasa hari ini.

Namun, hasil temu bual lanjut, tindakan 'kunci mulut' itu dipercayai adalah langkah berjaga-jaga diambil peniaga bagi memastikan bekalan ayam dibekalkan pemborong mencukupi.

Difahamkan, rata-rata peniaga berpuas hati dengan kadar RM9.40 ditetapkan kerajaan, namun meminta harga di peringkat peladang diturunkan kepada maksimum RM5 sekilogram.

"Kami boleh tarik nafas sedikit dengan kadar baharu itu, tetapi pasaran akan lebih kukuh jika harga di peringkat pemborong diturunkan lagi mungkin kepada RM5 sekilogram.

"Jadi, peniaga dapatlah merasa keuntungan dan caj potong juga tidak akan dikenakan, tapi kami pun takut dah nak komen, nanti bekalan kami pula tak cukup," katanya seorang peniaga yang enggan dikenali.

Di **Kuala Terengganu**, kebanyakan peniaga melahirkan kebimbangan tidak mampu mematuhi harga siling baharu kerana mendakwa semuanya bergantung kepada harga yang akan ditetapkan pemborong kelak.

Seorang peniaga, Syed Mohd. Zuhaimi Syed Abdullah, 39, mendakwa, harga dikenakan pemborong pada masa ini sudah sedia tinggi iaitu antara RM8.70 hingga RM9.50 sekilogram.

"Bukan kami tidak mahu akur dengan arahan kerajaan tetapi dengan harga ditetapkan pemborong itu, harga ayam terpaksa dijual pada RM11 sekilogram.

"Harap pemborong dapat turunkan harga bagi membolehkan kami menjual ayam ikut harga ditetapkan kerajaan," katanya.



**PENIAGA** sukar untuk mematuhi penetapan harga siling baharu ayam berikutan terikat dengan harga yang ditawarkan pembekal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Penternak dakwa MAFI bergantung kepada gergasi industri yang sama sebagai penasihat

# Keberkesanan dipersoal

Oleh **FAHMI FAIZ**
fahmi.faiz@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Satu kumpulan penternak ayam kecil-kecilan di negara ini mempersoalkan keberkesanan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi sedangkan 'penasihat utamanya' masih bergantung kepada wakil gergasi industri yang sama sejak sekian lama.

Walaupun ia turut dianggotai oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), namun agensi kerajaan itu bergantung kepada input industri yang dibekalkan oleh persatuan penternakan tersebut yang terdiri daripada pemain-pemain gergasi swasta industri ayam.

Justeru kata sumber, bagaimana mungkin pasukan khas itu dapat beroperasi dengan lancar untuk mengawal industri ayam dan telur, sedangkan yang menasihatinya adalah pihak swasta yang memikirkan laba dan keuntungan semata-mata tanpa mempedulikan soal kebajikan rakyat.

Sehubungan itu, sumber kumpulan penternak ayam kecil-kecilan itu mendesak kerajaan mendapatkan input daripada para penternak dan bukan hanya pemain-pemain gergasi jika serius mahu menangani isu kenaikan harga ayam dan telur.

Ini kerana, dakwa sumber, pemain-pemain gergasi yang juga adalah kartel menindas penternak kontrak di bawah mereka.

**Bersambung di muka 2+**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

**Minda Pengarang**



**IMRAN MOHAMAD NOR**

# *Kerajaan perlu jadi 'kartel' rakyat*

RAMAI yang setuju, ada juga yang merungut dengan penetapan harga siling ayam RM9.40 sekilogram, sementara telur naik dua sen bagi setiap gred berkuat kuasa hari ini. Sokong, bantah itu perkara biasa selagi kita bergelar manusia.

Tidak cukup itu, kerajaan juga mengumumkan penubuhan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi membantu rakyat Malaysia menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Kita bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan kerana sudah bertindak selepas mendengar keluhan rakyat mengenai isu kenaikan harga ayam. Selepas ini kita mengharapkan kerajaan tegas menangani masalah kartel yang dikatakan punca kepada kenaikan harga ini.

Pendedahan *Utusan Malaysia* mengenai isu kartel ayam adalah untuk menyedarkan semua pihak bahawa selama ini merekalah 'raja' yang menguasai keseluruhan rantaian industri ayam di negara ini dan bermaharajalela memonopoli sektor penting makanan negara bernilai RM10 bilion setiap tahun itu.

Dikatakan kartel-kartel ini menguasai hampir 70 peratus iaitu kira-kira 1.5 juta ekor ayam daripada keseluruhan bekalan 2.2 juta ekor di pasaran setiap hari.

Ikut kiraan secara kasar berdasarkan 70 peratus penguasaan, kartel mampu meraih kira-kira RM10.5 juta sehari bersamaan RM315 juta sebulan dan jika dijumlah setahun mereka mengaut lebih RM3.7 bilion.

Ini adalah pendapatan hasil ayam sahaja, belum dikira hasil pendapatan daripada telur, anak ayam dan makanan ternakan.

Kartel memang licik merancang dan mewujudkan rangkaian bisnes bagi menguasai setiap sektor dalam industri ayam negara termasuk memonopoli permit import (AP). Bagaimana rangkaian perjalanan licik kartel meraih berbilion ringgit ini disiarkan oleh *Utusan Malaysia* pada 25 April lalu di bawah tajuk *Kartel ibarat raja, kuasai 70 peratus bekalan ayam harian*.

Jika diamati, bukan sedikit pendapatan yang diraih kartel. Sepatutnya kerajaan melalui agensi-agensinya berada di 'telaga duit' yang dimiliki kartel dan hasilnya digunakan membela nasib rakyat. Biarpun sukar tetapi tidak mustahil kartel dihapuskan kerana dengan cara ini sahaja isu harga ayam dapat dikawal oleh kerajaan melalui penubuhan lembaga unggas.

Jika kartel ayam ini berjaya dihapuskan, maka tidak mustahil bagi kerajaan bertindak 'merentungkan' kartel-kartel lain. Senang kata, kerajaan harus jadi kartel rakyat!

Ada kata-kata - "Tak mungkin kartel dapat dihapuskan, ia sama juga seperti rasuah." Walaupun ungkapan ini mempunyai maksud yang tersirat, segalanya berkemungkinan jika tekad dan nekad kerajaan untuk memeranginya demi rakyat. Perlu ingat...doa rakyat adalah senjata paling ampuh!

**Imran Mohamad Nor ialah Penolong Pengarang Berita *Utusan Malaysia***



**ISU kenaikan harga ayam tidak akan dapat ditangani sekiranya kerajaan tetap mengambil pemain gergasi swasta yang sama sebagai penasihat dalam Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi. - GAMBAR HIASAN**

# Keberkesanan dipersoal

**Dari muka 1**

"Dalam mesyuarat dengan kementerian, mereka 'main wayang' kononnya suara mereka mewakili penternak. Hakikatnya, penternak kontrak di bawah mereka ibarat 'hamba abdi'," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Sumber berkata, buktinya, berdasarkan penyata integrator, kartel memeras penternak kontrak sehingga mereka hanya dapat untung maksimum RM1.50 untuk seekor ayam. Malah, kadang-kadang penternak kontrak di bawah kartel langsung tidak dapat untung.

Selasa lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan langkah menubuhkan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi bagi membantu rakyat Malaysia menghadapi tekanan ekonomi yang semakin menghimpit.

Pasukan khas tersebut akan merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu-isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan dan dianggotai antaranya oleh MAFI dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Kata sumber, KPDNHEP pula baru-baru ini mengadakan sesi dialog dan libat urus hanya menjemput wakil persatuan penternakan itu dan Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), tanpa menjemput penternak sebenar.

"Adakah kementerian masih tak nampak bahawa penternak-penternak ini sebenarnya jadi mangsa dihambakan oleh persatuan penternak itu, yang kononnya melantik penternak kontrak tapi sebenarnya memeras penternak di bawah mereka? Soalnya, siapa yang melantik persatuan penternakan itu untuk bersuara bagi pihak kami?" soal sumber di sini, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | NST | NEWS | 2 |



*Shoppers at a supermarket in Cheras, Kuala Lumpur, yesterday.* PIC BY AIZUDDIN SAAD

**MANAGING INFLATION**

# RM70B IN SUBSIDIES TO HELP THE PEOPLE

## Govt committed to easing burden on public caused by rising goods' prices, says task force chief

TEH ATHIRA YUSOF
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE government will provide more than RM70 billion in subsidies to ensure the people are not adversely affected by the rising prices of goods and food.

Communications and Multimedia Minister Tan Sri Annuar Musa said this yesterday after chairing a Jihad Task Force meeting in Putrajaya.

He said Malaysia's inflation rate of 2.8 per cent is among the lowest in Southeast Asia and other developed countries, adding that some European nations had double-digit inflation rates.

"This is because of the government's continued commitment to implement measures to ease the public's burden and control prices of goods and food items."

He said the task force would focus on enforcement, with consistent action to curb the rising prices of goods.

"The Jihad Task Force will strengthen cooperation between agencies and this will be expanded accordingly to tackle inflation and the rising cost of goods."

He said stern action would be taken to ensure the supply of subsidised cooking oil in the market is sufficient.

He said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is expected to provide a detailed study on the matter.

He said the cooking oil shortage could have been caused by the spread of false news claiming that the cooking oil subsidy had stopped, leading to panic buying.

"We have discussed this and measures will be taken.

"On the issue of cooking oil supply, some measures need to be improved.

"The subsidised cooking oil amounts to 60,000 metric tonnes and this is more than enough. We only need to manage it better."

He said the Malaysian Communications and Multimedia Commission would continue to act against profiteering and any attempts to hide goods.

He urged the public to report cases of illegal stockpiling or profiteering to the relevant agencies.

"I urge traders and sellers not to abuse the subsidies provided by the government because many Malaysians are affected by inflation."

On Twitter, Annuar said more experts would be added to the task force.

He said it needed more members to achieve its main goal.

He was responding to Segambut member of parliament Hannah Yeoh's criticism that the task force has only "rich men" when Malaysia has women of calibre who could join the group.

"Is that the understanding of the YB? God willing, there will be more joining the task force.

"It is not possible for it to only have six people. There is no need to be chauvinistic," he wrote.

Yeoh had, in a tweet, criticised the task force's all-male line-up after Annuar's appointment as its chairman.

"Malaysia has many women of calibre. But the ones appointed to address inflation and rising cost of goods are rich men," she wrote.

The current members of the task force are Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Sri Mustapa Mohamed and Chief Secretary to the Government Tan Sri Mohd Zuki Ali.

The task force, which has received the cabinet's nod, was announced by Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob on Wednesday.

The task force will formulate strategies and coordinate action to resolve inflation-related issues, especially to control the increase in the prices of goods. It will function like the Covid-19 Special Task Force, which operates by holding two meetings weekly on Mondays and Thursdays.

Economists have said Malaysia is experiencing one of the most challenging periods in its history due to high inflation, which is causing an increase in food prices and the cost of living.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 17 |


MOHD. HAFIZ ZULFAKAR




# Revolusikan ibadah korban demi kesihatan



MELIHATKAN sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, dijangka ibadah korban juga akan rancak dan ditunggu-tunggu dalam kalangan umat Islam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

DALAM masa kurang seminggu lagi, masyarakat Islam akan menyambut Hari Raya Aidiladha buat kali pertama sejak berada di dalam fasa peralihan endemik. Mengikut kelaziman, satu ke dua bulan sebelum Hari Raya Aidiladha merupakan tempoh sibuk di mana peserta yang berminat untuk menunaikan ibadah korban selesai membuat tempahan nama dan bayaran.

Melihatkan sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, dijangka ibadah korban juga akan rancak dan ditunggu-tunggu umat Islam. Berdasarkan perkembangan semasa, umat Islam sudah boleh menunaikan ibadah korban dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan kelonggaran yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan jabatan atau majlis agama negeri masing-masing.

Kebenaran ini amat dinantikan khususnya pada mereka yang sudah sebati dengan aktiviti ketika melaksanakan ibadah ini. Mereka rindu dengan suasana di mana kelibat masyarakat setempat berkumpul beramai-ramai, bergotong-royong menyembelih, melapah, memotong dan membungkus daging korban seperti tahun terdahulu. Masakan tidak, keakraban dan perpaduan ummah jelas tersemai dan bertambah erat melalui aktiviti sebegini.

Walaupun jumlah penularan kes Covid-19 sudah hampir terkawal sepenuhnya, harus diingatkan wabak ini masih berada di sekeliling kita di samping ancaman baharu penyakit berjangkit lain seperti cacar monyet serta penyakit tangan kaki dan mulut (HFMD). Justeru, satu kaedah baharu pelaksanaan ibadah korban harus diperkenal dan diperluaskan.

Cadangan kaedah ini yang lebih sistematik dan profesional dijangka boleh merevolusikan cara pelaksanaan ibadah korban di negara kita. Ia dijangka lebih efektif dalam keadaan yang memerlukan kita sentiasa berjaga-jaga serta mampu meminimumkan kadar penularan jangkitan Covid-19 serta penyakit berjangkit lain ketika melaksanakan aktiviti berkaitan ibadah korban.

> **"Kaedah ini hampir sama seperti ibadah korban yang dilakukan di negara-negara Barat yang umat Islamnya hanya minoriti,"**

Kaedah ini hampir sama seperti ibadah korban yang dilakukan di negara-negara Barat yang umat Islamnya hanya minoriti seperti Australia dan New Zealand. Di Australia, penyembelihan ritual secara terbuka sememangnya dilarang. Namun bagi umat Islam di Australia, mereka tiada masalah untuk melaksanakan kewajiban ini seperti di negara asal mereka.

Untuk memastikan keberkesanan kaedah ini adalah disarankan agar keseluruhan proses ditadbir oleh pejabat agama daerah bersama pihak berkuasa tempatan (PBT). Tidak lagi diurus sepenuhnya oleh kariah setempat secara bersendirian seperti sebelum ini. Mereka yang berminat untuk menunaikan ibadah korban akan membuat tempahan seperti biasa tetapi terus kepada pejabat agama daerah. Jawatankuasa kariah setempat masih boleh menyumbang khidmat dengan bertindak sebagai urus setia mengumpulkan tempahan untuk diserahkan kepada pejabat agama daerah khususnya mereka yang mempunyai masalah membuat tempahan.

**VETERINAR**

Setelah tempahan seluruh kariah di daerah itu diterima, pihak pejabat agama daerah boleh bekerjasama dengan PBT untuk membuat tempahan haiwan ternakan serta rumah sembelihan lokaliti yang mendapat tauliah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Ini akan membolehkan semua tempahan dikumpulkan sekali dan memudahkan penyelarasan pentadbiran.

Apabila hampir tiba Hari Raya Aidiladha, haiwan ternakan yang ditempah secara pukal akan dihantar ke rumah sembelihan yang dilantik, sama ada berperingkat ataupun sekali gus. Tempahan besar ini akan menjimatkan juga kadar pengangkutan yang perlu ditanggung oleh penganjur.

Dalam kaedah ini, rumah sembelihan sesuatu lokaliti itu akan menjadi pusat setempat bagi pelaksanaan ibadah korban untuk beberapa daerah berdekatan. Ini sekali gus dapat mengurangkan keperluan tenaga kerja yang ramai, tidak memerlukan ruang atau padang yang luas, mengguna sebaik mungkin tenaga kerja mahir dan peralatan rumah sembelihan serta meningkatkan kadar produktiviti penyembelihan harian.

Sebaik sahaja proses menyembelih, melapah, memotong dan membungkus oleh petugas yang dilantik dan dikawal selia oleh pejabat agama daerah dan PBT ini selesai, rumah sembelihan bertauliah ini akan pula melaksanakan tugas sebagai pusat pengedaran. Berdasarkan senarai tempahan, seperti biasa petugas-petugas akan mengasingkan bungkusan daging untuk diagihkan kepada mereka yang berkenaan termasuk golongan sasar di daerah terbabit.

Proses mengedarkan bungkusan daging ini pula boleh diperkasakan dengan mewujudkan kerjasama pintar bersama syarikat penghantaran tempatan yang mempunyai aset trak sejuk *(cold truck)*. Dengan menggunakan kepakaran sedia ada seperti algoritma penghantaran dan pemetaan digital, proses pengedaran daging korban ini boleh dioptimumkan dan dilaksanakan secara lebih teratur dan terancang. Kaedah ini berpotensi mengurangkan risiko penularan jangkitan pandemik di sesuatu kawasan komuniti berbanding kaedah konvensional ibadah korban.

Sekiranya model ini dapat dilaksanakan seperti dirancang, ia mampu mengubah landskap pelaksanaan operasi ibadah korban di negara kita pada masa hadapan.


DR. Mohd. Hafiz Zulfakar ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Teknologi & Pengajian Rantaian Bekalan, Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Puncak Alam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 6 |

# Video tular tunjuk pegang penyu disiasat

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri mengarahkan Jabatan Taman Laut melakukan siasatan terperinci berkaitan video tular insiden memegang penyu di Pulau Redang baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu Ariffin Deraman berkata perbuatan memegang penyu adalah salah mengikut Seksyen 27 Akta Perikanan 1985.

"Tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil penyu mengikut akta tersebut. Kerajaan negeri kesal dengan insiden ini dan berharap ia tidak akan berulang pada masa akan datang," katanya, semalam.

Pada Selasa lepas, tular di media sosial satu video berdurasi 24 saat yang memaparkan seorang kru bot menyelam dan membawa naik seekor penyu hampir ke permukaan dipercayai di Teluk Dalam, Pulau Redang.

Video tersebut mendapat kecaman warganet kerana ia menyalahi undang-undang memandangkan penyu adalah haiwan terancam yang dilindungi kerajaan.

Sementara itu, Naib Pengerusi Persatuan Pengusaha Bot Pulau Redang Azmi Awang ketika dihubungi berharap pihak terlibat dalam video tular itu dikenakan tindakan sewajarnya sebagai pengajaran ia tidak berulang lagi.

"Kami kesal dengan tindakan pengusaha bot yang masuk ke taman laut Pulau Redang membawa pelancong untuk melihat penyu secara tidak beretika, katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 5 |



PENCEMARAN DI HILIR KOLAM TEBATAN BANJIR JPS

# Sungai Chandong bertukar merah



KEADAAN air sungai yang bertukar warna di jeti nelayan.

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

**Pelabuhan Klang**

Pihak tidak bertanggungjawab dikatakan membuang cecair merah ke Sungai Chandong di Pulau Indah, dekat sini, menyebabkan airnya bertukar kemerahan.

"Ops Gempur sudah dijalankan semalam (kelmarin), di beberapa premis yang dipercayai terbabit dalam insiden berkenaan," kata Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man menerusi ciapan di Twitter semalam.

Menurut beliau, pencemaran itu berlaku di hilir kolam tebatan banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Jalan Sungai Pinang.

"Tinjauan turut dilakukan di jeti nelayan dan mendapati air masih kemerahan manakala ujian asid menunjukkan bacaan tahap alkali pada pH 6.44.

"Siasatan diteruskan di Jalan Pinang 5/5 dan ada kesan aliran cecair merah dalam longkang monsun yang disyaki lokasi tempat pembuangan cecair merah," katanya.

Menurut beliau, Jabatan Alam Sekitar (Jas) membuat laporan polis untuk mendapatkan bantuan pihak berkuasa bagi mengesan pihak tidak bertanggungjawab terbabit.

Sementara itu, beberapa gambar yang menunjukkan air sungai berkenaan bertukar kemerahan tular di media sosial dan ia mendapat pelbagai reaksi warga maya.

Ramai yang meminta tindakan dikenakan terhadap pihak yang bertanggungjawab atas insiden itu.

Bacaan tahap alkali pada pH 6.44

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 23 |

# Kejadian pegang penyu di Pulau Redang disiasat

## Terengganu arah Jabatan Taman Laut teliti insiden video tular

**Kuala Terengganu:** Kerajaan negeri sudah mengarahkan Jabatan Taman Laut melakukan siasatan terperinci berkaitan video tular insiden memegang penyu di Pulau Redang, baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu, Ariffin Deraman, berkata perbuatan memegang penyu adalah salah mengikut Seksyen 27 Akta Perikanan 1985.

"Tiada seorang pun boleh memancing, mengganggu, mengusik, menangkap atau mengambil penyu mengikut akta berkenaan. Kerajaan negeri kesal dengan kejadian ini dan berharap ia tidak akan berulang," katanya ketika dihubungi, semalam.

Selasa lalu, tular di media sosial satu video berdurasi 24 saat yang memaparkan seorang kru bot menyelam dan membawa naik seekor penyu hampir ke permukaan dipercayai di Teluk Dalam, Pulau Redang.

Video itu mendapat kecaman warganet kerana ia menyalahi undang-undang memandangkan penyu adalah haiwan terancam yang dilindungi kerajaan.



Ariffin Deraman

Sementara itu, Naib Pengerusi Persatuan Pengusaha Bot Pulau Redang, Azmi Awang ketika dihubungi berharap pihak terbabit dalam video tular itu akan dikenakan tindakan sewajarnya sebagai pengajaran agar ia tidak berulang.

"Kami kesal dengan tindakan pengusaha bot yang masuk ke taman laut Pulau Redang membawa pelancong untuk melihat penyu secara tidak beretika.

"Setiap pengusaha bot perlu peka dengan peraturan yang dikuatkuasakan dan mengingatkan pelancong agar tidak menyentuh penyu ketika mengadakan aktiviti snorkeling," katanya.

BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | MINDA PEMBACA | 13 |

# Tingkat produktiviti durian penuhi pasaran tempatan, eksport

**Nurul Ezzaty Mohd Azhari,**
Universiti Putra Malaysia

**Sebut** sahaja raja buah sudah pastinya ramai akan membayangkan kulitnya yang berduri serta isinya berwarna kuning keemasan. Saban tahun jualan durian akan sentiasa mendapat sambutan yang tinggi serta menjadi bualan hangat.

Apabila tiba sahaja musim durian, peminat raja buah itu akan berpusu-pusu untuk membelinya tanpa mengira pagi atau malam. Di Malaysia, durian bukan hanya dimakan mentah, tetapi turut digunakan secara meluas dalam industri makanan. Misalnya ia dijadikan bahan dalam penghasilan ais krim, kek, keropok, snek ringan malah dijadikan sebagai manisan tradisional dan moden seperti serawa durian, bubur dan paf.

Selain itu, durian juga sebenarnya berjaya merapatkan hubungan kekeluargaan serta persahabatan kerana apabila tiba musimnya, kemeriahannya dikongsi bersama. Kadang-kala kita melihat konvoi penduduk di negeri selatan yang sanggup datang ke utara semata-mata membeli durian. Malah, musim buah sebegini menjadi detik ahli keluarga berkumpul di kampung halaman.

Dari segi saintifik, durian menawarkan khasiat serta kebaikan terhadap kesihatan kerana mengandungi komponen berkhasiat seperti karotenoid dan flavonoid yang bersifat antioksida serta polifenol yang bertindak sebagai antiradang.

Ia juga membantu penghadaman berikutan kandungan seratnya yang tinggi, selain kaya zat besi berupaya membantu mencegah anemia. Menariknya, setiap 100 gram durian menyumbang kira-kira 23.3 miligram vitamin C. Hal ini mampu mencegah masalah kekurangan vitamin C, sekali gus meningkatkan sistem imunisasi badan.

Namun, dari sisi yang lain pula pengambilan secara berlebihan boleh memudaratkan kesihatan kerana kandungan karbohidrat tinggi. Ia mampu menyebabkan kenaikan aras gula dalam darah, terutama kepada pesakit diabetes. Sekiranya kandungan gula dalam darah tidak terkawal sebarang kemungkinan boleh berlaku.

Di Malaysia ketika ini, jenis durian paling popular dikenali sebagai musang king atau D197 berasal dari Tanah Merah, Kelantan. Ia bukan sahaja menjadi kegemaran tempatan, tetapi turut diimport dan menjadi pilihan di negara seperti China, Amerika Syarikat (AS) dan Australia. Permintaan tinggi menjadikan harganya yang lebih mahal.

Namun, selain musang king, sebenarnya terdapat lebih 200 jenis durian sudah didaftarkan Jabatan Pertanian Malaysia. Hal ini menjadikan Malaysia negara pengeluar durian terbanyak mengatasi Thailand dan Indonesia. Jabatan pertanian pada peringkat negeri juga aktif memperkenalkan baka baharu durian, misalnya Jabatan Pertanian Negeri Kedah muncul dengan variasi terbaru dikenali sebagai D216 (J Sparrow) dan D217 (Jerai). Durian jenis ini ditanam di Kampung Ketapang, Sungai Tok Pawang, Bedong.

Umum mengetahui harga durian kini semakin meningkat sehingga membuatkan ada kumpulan masyarakat yang tidak mampu untuk menikmatinya. Hal ini seharusnya ditangani dengan baik dan antara kaedahnya dengan meningkatkan produktiviti durian dengan menambah jumlah pokok yang ditanam.

Produktiviti yang meningkat berpotensi merancakkan jualan, membantu menurunkan harga serta membolehkan ia lebih dinikmati semua masyarakat. Ketika ini musang king, misalnya dijual dengan harga mencecah RM80 sekilogram. Jika produktiviti meningkat, rakyat dapat menikmatinya pada harga lebih rendah.

Dalam hal ini, kita melihat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) turut bekerjasama dengan kementerian berkaitan bagi memperluaskan akses pasaran durian. Hal ini berpotensi untuk meningkatkan jualannya ke luar negara. Pada 2016 misalnya, FAMA merekodkan nilai eksport durian mencecah RM69.9 juta, manakala pada 2020 melepasi RM144.7 juta. Jabatan Pertanian menganggarkan pengeluaran durian di negara ini terus meningkat kepada 493,397 tan menjelang 2025.

Bagi memenuhi permintaan ini, produktiviti durian perlu ditingkatkan bukan hanya untuk tujuan eksport, tetapi juga memenuhi permintaan tempatan, sekali gus membolehkan petani mendapat pulangan lebih baik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 30 |

# 40 hektar sawah tenggelam, pesawah rugi RM100,000

Oleh MOHD. RIFAAT ABD HAMID
utusannews@mediamulia.com.my

**PENDANG:** Pesawah di empat buah kampung di sini mendakwa mengalami kerugian lebih RM100,000 selepas sawah mereka ditenggelami banjir berpunca air dari dua sungai berdekatan yang melimpah.

Sawah-sawah yang terkesan ialah di Kampung Alor Berala, Kampung Sungai Mati, Kampung Titi Kera dan Kampung Banggol Keling yang semuanya membabitkan keluasan kira-kira 40 hektar.

Pesawah, Abu Bakar Ismail, 52, dari Kampung Alor Berala berkata, masalah itu bermula sejak Mac lalu apabila sawah mereka mula dilimpahi air sungai berdekatan iaitu dari Sungai Pendang dan Sungai Padang Kerbau.

Katanya, sebelum ini masalah itu tidak pernah berlaku dan jika berlaku pun hanya beberapa jam sebelum air akan keluar melalui sistem saliran yang disediakan.

"Sebelum ini jika sawah tenggelam akibat hujan lebat air akan ke luar dengan ke saliran buang tetapi kini air akan bertakung. Apa yang peliknya saliran buang air turut dinaiki air dan ini menyebabkan sawah kami dimasuki air dan tenggelam.

"Pada awalnya beberapa petani cuba guna pam bagi mengeluarkan air tetapi mereka terpaksa menghentikannya kerana arus air semakin banyak masuk ke sawah," katanya.



ABU Bakar Ismail (kiri) dan rakannya, Yahya Hassan menunjukkan kawasan sawah yang ditenggelami air di Kampung Alor Berala, Mukim Tobiar di Pendang. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

Menurut Abu Bakar yang mengusahakan lima hektar sawah padi, semua sawahnya sudah ditabur dengan benih sebanyak tiga kali yang dibelinya, tetapi dengan limpahan air menyebabkan dia rugi hampir RM12,000.

"Saya terpaksa guna semua wang simpanan bagi membeli benih selepas tiga kali gagal dan kini kecewa masalah air melimpah masih berlarutan. Masalah ini pernah dimaklumkan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tetapi sehingga kini tiada tindakan diambil," katanya.

Bagi Yahya Hassan, 62, dari Kampung Sungai Mati pula, ramai petani di kawasan itu kecewa selepas benih padi mereka ditenggelami air.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 30 |

# Benih padi teknologi nuklear



SEORANG pesawah membawa anak benih padi untuk ditanam ketika musim penanaman di Ladang Merdeka Mulong, Kota Bharu. Agensi Nuklear Malaysia akan mempertingkat pengeluaran benih padi IS21 untuk diedar kepada pesawah, sekali gus memperluas penanaman varieti berkualiti tinggi itu di seluruh negara. Ketua Pengarahnya Dr Abdul Rahim Harun berkata ketika ini kuota benih dihasilkan menggunakan teknologi nuklear kaedah mutasi aruhan sinaran gamma itu adalah sebanyak 4,800 metrik tan bagi setiap musim. Tempoh matang padi IS21 ini adalah sama dengan varieti lain, tetapi ciri-cirinya berkualiti tinggi, tahan pada perubahan cuaca tidak menentu seperti kemarau dan banjir iaitu mampu bertahan sekiranya terendam dalam air kira-kira 20 hari, petani tidak perlu menabur semula benih tersebut sekali gus menjimatkan kos.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 28 |

# Pengguna Negeri Sembilan kurang setuju harga baharu

**Seremban:** Sebahagian pengguna di Negeri Sembilan kurang bersetuju dengan langkah kerajaan untuk menetapkan harga siling runcit ayam standard pada RM9.40 sekilogram (kg) bagi Semenanjung Malaysia mulai hari ini.

Pengerusi Persatuan Penjaja, Peniaga dan Pengusaha Kecil Negeri Sembilan (PPPKNS) Cawangan Seremban Mohamad Yusoff berkata, adalah wajar kerajaan mengekalkan harga sedia ada iaitu RM8.90 sekilogram.

"Harga siling ayam standard RM9.40 sekilogram itu masih mahal kerana itu adalah harga minimum yang perlu dibayar oleh pengguna. Ia tidak termasuk caj lain yang akan dikenakan peniaga termasuk upah potong antara 50 sen hingga RM1 bagi setiap kilogram ayam.

"Ini bermakna jika pengguna membeli lebih daripada seekor, mereka sudah tentu akan dikenakan caj tambahan.



"Saya berpandangan, kerajaan perlu kekalkan harga siling sedia ada iaitu RM8.90 sekilogram kerana harga itu juga sudah dianggap tinggi dan jika hendak naikkan, mungkin sekadar RM9 sekilogram," katanya semalam.

Bagaimanapun, katanya, dia bersetuju dengan harga siling runcit telur ayam pada kadar 45 sen sebiji bagi gred A, Gred B (43 sen sebiji) dan gred C (41 sen sebiji).

*"Kenaikan 50 sen bagi setiap sekilogram ayam standard itu dianggap tinggi bagi pengguna berpendapatan rendah"*

**Mohd Fadil**

Mohd Fadil Baharuddin, 50, dari Senawang juga mengakui harga siling ayam standard ditetapkan itu masih membebankan orang ramai, terutama dalam kalangan B40.

Beliau yang juga aktivis pengguna berkata, harga RM9 sekilogram mungkin lebih sesuai untuk situasi 'menang-menang' antara pengguna dengan peniaga.

"Kenaikan 50 sen bagi setiap sekilogram ayam standard itu dianggap tinggi bagi pengguna berpendapatan rendah.

"Pengguna setiap isi rumah bukan sahaja berhadapan dengan masalah kos makanan yang meningkat malah kos lain termasuk alat ganti kenderaan, insurans kenderaan dan pelbagai lagi," katanya.

Peniaga ayam, Razali Musa, 56, berkata, dia menyambut baik harga siling ayam standard RM9.40 sekilogram.

Menurutnya, harga itu dianggap munasabah bagi memberi ruang kepada peniaga ayam untuk mendapatkan margin keuntungan yang setimpal dengan pelbagai kos yang terpaksa dikeluarkan, terutama makanan ayam.

"Saya bersetuju dan menyambut baik penetapan harga siling ayam standard RM9.40 itu kerana ia dianggap bersesuaian bagi memberi situasi menang-menang kepada peniaga dan pengguna.

"Harganya tidak terlalu tinggi. Peniaga berhadapan dengan kenaikan pelbagai kos, jadi dengan harga sedemikian, dapatlah peniaga meraih margin keuntungan setimpal dan mampu membayar gaji pekerja dengan lebih sempurna," katanya yang sudah lebih tujuh tahun berniaga ayam.

Razali turut menyokong cadangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yang menyasarkan 100 koperasi terbabit dalam industri ternakan ayam dengan pengeluaran kira-kira 30 juta ayam daging setahun, menjelang tahun depan.



*"Peniaga berhadapan dengan kenaikan pelbagai kos, jadi dengan harga sedemikian, dapatlah peniaga meraih margin keuntungan setimpal"*

**Razali Musa**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | KOSMO | NEGARA | 14 |

Lebih 100kg hidupan mati angkara pencemaran sisa kimia

# Sungai Chandong bertukar warna merah

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB



BEGINILAH keadaan Sungai Chandong yang bertukar merah selepas dikatakan dicemari sisa bahan kimia di Pulau Indah, Klang kelmarin.

**KLANG** – Kira-kira 200 penduduk Orang Asli di jeti Pulau Indah di sini terpaksa menahan bau kimia selama empat jam susulan dakwaan pembuangan sisa industri yang menjadikan Sungai Chandong di sini bertukar merah kelmarin.

Pencemaran mula dikesan kira-kira pukul 2 petang itu menyebabkan lebih 100 kilogram (kg) hidupan laut termasuk spesies ikan siakap, belanak, sembilang dan udang mati.

Lokasi jeti tersebut sebelum ini pernah digemparkan dengan penemuan pembuangan pakaian terpakai yang pernah dilaporkan *Kosmo!* tahun lalu.

Seorang penduduk Orang Asli, Hanafi Rahatan, 36, semasa kejadian dia baharu pulang dari menangkap ikan di laut dan terkejut dengan pencemaran itu.

Katanya, ini bukan kali pertama sungai itu bertukar menjadi merah dengan kali pertama pada Mac lalu.

"Sedih sebab bila sungai tercemar, ikan dan udang yang banyak di hulu sungai ini timbul dan mati. Pada pemerhatian saya ada lebih 100kg hidupan laut musnah.

"Kami ini kerja nelayan dan pendapatan bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Dakwanya, pencemaran itu dipercayai daripada lepasan pembuangan sisa kilang berhampiran yang terletak kira-kira 10 kilometer daripada jeti itu.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu kilang mana satu. Mungkin mereka cari jalan mudah untuk buang sisa disebabkan berhampiran laut lepas," ujarnya.

Bagi rakannya, Ali anak lelaki Klang, 41, memaklumkan kejadian sungai menjadi merah itu berlarutan selama empat jam bermula pukul 2 petang.

Tambahnya, apa yang merisaukan adalah kanak-kanak kecil yang kerap mandi di sungai tersebut.

"Semalam (kelmarin) saya terpaksa melarang empat anak dan anak jiran daripada mendekati sungai tersebut.

"Ini kerana baunya kuat dan mengelak daripada berlakunya sebarang insiden tidak diingini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Nor Aziah Jaafar ketika dihubungi berkata, pihaknya telah turun ke lokasi sebaik menerima aduan daripada berhubung pencemaran tersebut.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kita sedang mengesan pelakunya," tegasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 9 |

# Sungai Chandong bertukar merah

## JAS dapatkan bantuan polis kesan pihak tak bertanggungjawab lakukan pencemaran

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my



*Air Sungai Chandong bertukar warna seakan-akan berwarna merah di Pulau Indah, Pelabuhan Klang, kelmarin.* (Foto ihsan Jabatan Alam Sekitar)

**Pelabuhan Klang:** Air Sungai Chandong di Pulau Indah dekat sini, bertukar warna seakan-akan merah kelmarin, disyaki tercemar angkara kegiatan tidak bertanggungjawab dilakukan pihak tertentu.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata pencemaran berkenaan berlaku di hilir kolam tebatan banjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Jalan Sungai Pinang.

Katanya, tinjauan turut dilakukan di jeti nelayan dan mendapati air masih berwarna merah dan ujian asid menunjukkan bacaan tahap alkali pada pH 6.44.

"Siasatan diteruskan di Jalan Pinang 5/5 dan mendapati kesan aliran cecair merah dalam longkang banjir yang disyaki lokasi tempat pembuangan cecair merah dan perbuatan tidak bertanggungjawab ini mungkin dilakukan pada waktu malam.

"JAS membuat laporan polis untuk mendapatkan bantuan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesan pihak yang bertanggungjawab melakukan pencemaran berkenaan," katanya menerusi ciapan di Twitter, semalam.

Tuan Ibrahim berkata, Ops Gempur sudah dijalankan kelmarin, di beberapa premis yang dipercayai terbabit dalam insiden pencemaran berkenaan.

Sementara itu, beberapa gambar yang menunjukkan air sungai berkenaan bertukar merah tular di media sosial yang turut mendapat pelbagai reaksi warga maya.

Kebanyakan komen meminta tindakan tegas diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab ke atas insiden berkenaan.

Sementara itu, keadaan aliran air Sungai Chandong dilihat kembali normal berikutan kejadian air pasang malam kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor, Hee Loy Sian, berkata Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) ada menerima maklumat daripada orang awam susulan kejadian sungai berwarna merah petang kelmarin.

"Tindakan segera dilakukan pihak LUAS selepas mendapat makluman orang awam dan siasatan mendapati keadaan aliran air sungai sudah kembali normal berikutan air pasang.

"Justeru, kita percaya insiden itu berlaku pada awal pagi dan hasil maklumat orang awam mengesyaki terdapat aktiviti pembuangan efluen di kawasan perindustrian Pulau Indah," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, LUAS juga mengesan dan menemukan lokasi bermula efluen berwarna merah itu yang mana terdapat cecair berwarna merah dalam longkang berdepan sebuah premis di Jalan Sungai Pinang.

"Cecair berwarna itu dipercayai dilepaskan ke dalam longkang dan mengalir masuk ke kawasan kolam tadahan JPS, seterusnya memasuki Sungai Chandong.

"Anggaran jarak longkang berkenaan ke lokasi pencemaran adalah sekitar 1.32 kilometer (km)," katanya.

Mengulas lanjut, Loy Sian berkata, penelitian LUAS mendapati insiden itu disebabkan perbuatan pihak tidak bertanggungjawab membuang bahan buangan ke dalam longkang berikutan tiada penemuan punca aliran berwarna merah ini.

Beliau berkata, pensampelan juga sudah dijalankan untuk dianalisis di makmal bagi mengenal pasti kualiti dan kandungan pencemaran terbabit.

Katanya, pemantauan rapi dari semasa ke semasa akan diteruskan LUAS bersama pihak terbabit bagi memastikan sumber air Selangor terpelihara.

"Pihak LUAS akan bekerjasama dengan penduduk sekitar untuk mengenal pasti pelaku, seterusnya mengambil tindakan sewajarnya," katanya.

> "Kita percaya insiden itu berlaku pada awal pagi dan hasil maklumat orang awam mengesyaki terdapat aktiviti pembuangan efluen di kawasan perindustrian Pulau Indah"



***Hee Loy Sian,*** *Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar Selangor*

# Muara cetek jejas rezeki nelayan Pantai Penunjuk



*Keadaan muara cetek disebabkan timbunan pasir di Pantai Penunjuk, Kemaman.* (Foto Rosli Ilham/BH)

**Chukai:** Masalah muara cetek yang berlaku di Pantai Penunjuk, Kemaman, menyebabkan 100 nelayan di kawasan itu berdepan kesukaran untuk keluar dan masuk bagi mencari rezeki menangkap ikan.

Masalah itu berlaku sejak sekian lama dan menjadi semakin serius sehingga muara membentuk timbunan pasir, sekali gus menutup jalan dan laluan untuk bot nelayan keluar masuk.

Nelayan, Yusof Mohammad, 70, berkata keadaan itu menyulitkan mereka untuk keluar menangkap ikan dan mendaratkan hasil diperoleh setiap hari.

"Apabila waktu air surut, kami tak boleh keluar ke laut dan tidak dapat mendaratkan hasil tangkapan hingga terpaksa menunggu serta bermalam di luar kuala sehingga air pasang semula," katanya.

Yusof berkata, keadaan muara yang cetek itu turut menyebabkan berpuluh-puluh bot nelayan mengalami kerosakan akibat terlanggar beting pasir.

"Perkara ini sudah dipanjangkan kepada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), namun sehingga kini tiada sebarang usaha daripada pihak kerajaan bagi menyelesaikan masalah itu," katanya.

Rakannya, Shafir Puteh, 63, berkata antara faktor muara itu menjadi cetek disebabkan pasir dari luar muara ditolak masuk oleh ombak besar.

"Setiap kali musim tengkujuh, ombak besar akan membawa lebih banyak pasir dan jika kerajaan lambat bertindak, besar kemungkinan muara ini akan tertutup terus.

"Kita berharap kerajaan membina benteng pemecah ombak bagi mengatasi masalah itu bagi menghalang ombak besar membawa pasir masuk ke muara," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) Terengganu, Mat Yasim Mohammed, berkata masalah itu akan dibangkitkan pada mesyuarat agung NEKMAT yang akan datang bagi memohon usul itu mendapat perhatian kerajaan negeri sebelum dibincangkan pada peringkat Kerajaan Pusat.

"Kita berharap perkara itu mendapat perhatian kerajaan negeri dan Pusat bagi mencari jalan penyelesaian, sekali gus membantu nelayan yang semakin terhimpit sekarang," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Subsidi RM70b pastikan rakyat mampu hadapi kos sara hidup

**Kementerian Kewangan unjur keperluan sebenar berikutan kenaikan harga pelbagai barangan**

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Lebih RM70 bilion nilai subsidi keseluruhan diperuntukkan kerajaan pada tahun ini, tambahan kepada RM33 bilion yang diluluskan Parlimen pada 2021 demi memastikan rakyat tidak terkesan dengan impak kenaikan harga barang dan situasi inflasi.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa, berkata Kementerian Kewangan mengunjurkan keperluan sebenar subsidi pada tahun ini mencecah lebih RM70 bilion berikutan kenaikan harga pelbagai barangan, jauh lebih tinggi berbanding dana yang sudah diluluskan sebelum ini.

"Sidang Parlimen tahun lalu meluluskan anggaran pelbagai bentuk subsidi RM33 bilion, namun berdasarkan kenaikan pelbagai barangan, Kementerian Kewangan mengunjurkan keperluan sebenar pada tahun ini lebih RM70 bilion.

"Ini bermakna kerajaan terus beri subsidi kepada barangan tertentu bagi memastikan rakyat tidak terlalu terkesan dengan inflasi yang sedang berlaku dan mengekalkan inflasi tahap terendah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, di sini semalam.

Annuar berkata, kadar inflasi di negara ini masih rendah, iaitu 2.8 peratus berbanding negara lain yang kini mencecah dua digit, disebabkan komitmen kerajaan yang menggunakan pendekatan mengawal kenaikan harga barang keperluan dengan membayar subsidi.

"Penubuhan jawatankuasa (pasukan khas jihad) ini tanda komitmen Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk memastikan kadar inflasi kekal rendah dan pendekatan memberi subsidi pada barangan tertentu akan dikekalkan," katanya.

Mengenai pasukan khas berkenaan, Annuar berkata, ia tidak terhad kepada ahli yang sudah disenaraikan, sebaliknya menteri daripada kementerian lain akan turut diundang untuk menyertainya jika isu yang ingin dibincangkan terkait rapat dengan pihak berkaitan.

"Beberapa agensi sudah diputuskan untuk menyertai jawatankuasa ini termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kumpulan pakar rujuk yang mempunyai kemahiran, pandangan dan nasihat mengenai langkah yang boleh diambil," katanya.

Ditanya sama ada penubuhan pasukan khas berkenaan seakan sama dengan jawatankuasa lain seperti Majlis Tindakan Khas Sara Hidup Negara (NACCOL), Annuar berkata, ia tidak menimbulkan masalah dan laporan serta hasil mesyuarat pasukan berkenaan akan dibawa kepada Jemaah Menteri dan NACCOL.



*Kerajaan peruntukan RM330 juta bagi pastikan semua pihak dalam industri ayam diberi perhatian sewajarnya.* (Foto hiasan)

"Pentingnya daripada laporan kita ini, kita ada jawatankuasa peringkat nasional, NACCOL yang dipengerusikan Perdana Menteri. Selain itu, sudah tentu kita ada mesyuarat mingguan Kabinet setiap Rabu, memang membincangkan masalah harga dihadapi rakyat," katanya.

Pasukan khas itu turut dianggotai Menteri Kewangan, Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Ia mengumpul semua maklumat daripada kementerian, agensi dan orang ramai bagi merangka strategi serta mengkoordinasi tindakan menyelesaikan isu berkaitan inflasi, khususnya kawal kenaikan harga barang dengan lebih berkesan.

Memperincikan mesyuarat yang dipengerusikannya semalam, Annuar memaklumkan, ia turut membincangkan isu subsidi ayam dan telur ayam yang diumumkan baru-baru ini.

"Kita nak tegaskan kerajaan sangat memahami. Sekiranya harga ayam diapungkan, tinjauan yang dibuat mendapati harga sekilogram ayam boleh sehingga RM11 dan ia dikukuhkan dengan tinjauan harga di negara sekitar.

"Perdana Menteri tidak mahu ia berlaku kepada Keluarga Malaysia dan membuat ketetapan supaya harganya dikawal.

"RM330 juta disediakan bagi pastikan semua pihak dalam industri ayam diberi perhatian sewajarnya," katanya memberi jaminan bekalan ayam dalam negara lebih daripada mencukupi.

Beliau berkata, kerajaan juga memberi jaminan beberapa tindakan akan diambil bagi memastikan bekalan minyak masak paket bersubsidi di pasaran mencukupi dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan memberi penelitian terperinci berkaitan hal itu.

Katanya, kekurangan minyak masak mungkin disebabkan ketirisan dan mungkin kerana berita palsu subsidi akan dihentikan sehingga menyebabkan orang ramai mula panik dan membeli barang keperluan itu melebihi daripada yang diperlukan.

"Jumlah (minyak masak) disubsidi ada 60,000 tan, bancian yang dibuat sebenarnya setiap bulan kita memerlukan kira-kira 50,000 tan, namun kita lebihkan 10,000 tan. Jadi ia lebih daripada cukup dan kita akan uruskan dengan lebih baik lagi," katanya.

Dalam pada itu, Annuar berkata, beliau sudah mengarahkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk mengambil tindakan terhadap pihak yang mengaut keuntungan berlebihan menjual minyak masak secara dalam talian.

"Semalam terdapat iklan di platform jualan dalam talian membuat tawaran menjual lima paket minyak masak satu kilogram dengan harga RM27. Penjualan itu adalah secara terbuka sedangkan harga untuk lima paket sekitar RM12.50 sahaja.

"Minyak masak subsidi tidak sepatutnya diniagakan semula, jadi kita minta SKMM untuk mengambil tindakan mengikut undang-undang sedia ada. Peniaga jangan salah guna subsidi yang diberikan, ia untuk bantu ringankan bebanan B40, jangan ambil kesempatan ketika rakyat menghadapi tekanan harga barang," katanya.

## Cari penyelesaian jangka panjang atasi inflasi

**Kuala Lumpur:** Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi yang ditubuh bagi membantu rakyat menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup perlu memastikan kaedah atau mekanisme diambil bersifat penyelesaian jangka panjang demi kesejahteraan rakyat.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pasukan itu memerlukan sokongan semua pihak termasuk Bank Negara (BNM) supaya mekanisme dan penyelesaiannya tidak lagi bersifat biasa dan sementara.

"Strategi tangani inflasi ini bukan benda baharu. Ketika kegawatan ekonomi 1997 dan 1998, inflasi juga agak tinggi.

"Walaupun ada pasukan khas, kita tidak mahu mekanisme dan penyelesaian masih bersifat biasa, sementara seperti tetapkan harga kawalan, tingkatkan subsidi atau tambah bantuan kepada rakyat.

"Sebab semua ini memberi implikasi untuk jangka panjang. Contoh jika harga kawalan tidak kena, boleh menyebabkan industri terkesan, tidak dapat untung dan jika berterusan memberi subsidi juga beri kesan kepada kewangan negara, malah tahun ini dimaklumkan sekitar RM78 bilion untuk tujuan itu," katanya.

Ahmed Razman bimbang penyelesaian yang dibuat hanya bersifat jangka pendek atau populis yang hanya memberi implikasi kepada beban kewangan.

"Boleh jika (penyelesaian) nak teruskan kaedah sama, tetapi perlu pastikan kemampanannya. Pasukan ini perlu fikirkan mekanisme jangka sederhana dan panjang, contohnya dari segi mereformasi sistem monetari termasuk pemberian e-baucar menerusi MySejahtera untuk beli barang keperluan harian.



*Ahmed Razman Abdul Latiff*

"Baucar membolehkan penerima dapat bantuan secara langsung tanpa ada penyelewengan sebab jika beri tunai, kadang kala kita tidak tahu sama ada mereka gunakan untuk membeli barangan keperluan harian atau untuk perkara lain. Harga kawalan juga perlu melihat keseluruhan rantaian bekalan," katanya.

Penganalisis ekonomi, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berpandangan pelan komunikasi kepada rakyat perlu dipertingkat dengan saranan pasukan terbabit lebih kerap membuat sidang media dan kenyataan.

"Jika ketika menghadapi COVID-19, kerajaan hampir setiap hari mengemas kini perkembangan dalam usaha melandaikan lengkuk jangkitan, jadi kaedah sama boleh diguna untuk tingkat komunikasi dengan rakyat supaya mereka tahu usaha sedang dilakukan dan rasa sedikit lega.

"Pelan komunikasi ini penting sebab rakyat hadapi beban isu setiap hari, belanja setiap hari, jadi perlu ada penyelesaian yang terus kepada mereka. Kerajaan juga perlu lebih agresif sebab kalau berjaya tangani isu, ia juga memberi kelebihan kepercayaan rakyat," katanya.

Beliau menyarankan ahli pasukan khas itu juga perlu diperluas dengan menambah profesional dan pakar berkaitan bidang yang dibincangkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 1/7/2022 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 6 |

# Harga ayam, minyak masak botol, kenderaan mula naik

## Tempoh pelaksanaan subsidi, pengecualian cukai tamat

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Harga telur, ayam, minyak masak dalam botol serta kenderaan di negara ini, mengalami kenaikan mulai hari ini, susulan tamatnya tempoh pelaksanaan beberapa inisiatif kerajaan, khususnya subsidi dan pengecualian cukai yang berakhir semalam.

Selain itu, kelonggaran yang diberikan kerajaan terhadap keperluan mempamerkan Lesen Memandu Malaysia (LLM) sejak lebih setahun lalu, juga tamat semalam.

Program Rekalibrasi Pulang terhadap pendatang tanpa izin (PATI) dan warga asing yang bekerja secara haram di negara ini, yang dilaksanakan sejak 16 November 2020 turut berakhir semalam. Serentak itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan melancarkan operasi besar-besaran bagi membanteras mereka yang masih bersembunyi di negara ini.

Susulan semakan semula, bermula hari ini, harga ayam standard menyaksikan peningkatan 50 sen, selepas harga siling ditetapkan kerajaan, iaitu RM8.90 dinaikkan kepada paras baharu iaitu RM9.40 sekilogram, bagi Semenanjung Malaysia.

Harga siling runcit telur ayam dinaikkan sebanyak 2 sen berbanding harga lama, selepas Kabinet bersetuju harga siling baharu pada kadar 0.45 sen sebiji bagi Gred A; Gred B (0.43 sen/biji) dan Gred C (0.41 sen/biji).

Kenaikan harga ayam dan telur masih dibuat dalam kawalan kerajaan dengan subsidi kepada pengeluar, bagi mengelak ia diapungkan dalam pasaran yang menyebabkan harganya dikawal oleh pengeluar sepenuhnya.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dalam kenyataannya, berkata harga minyak masak tulen dalam botol berkapasiti satu hingga lima kilogram (kg), naik bermula hari ini selepas kerajaan memansuhkan program subsidi sementara kepada produk berkenaan.

Bagaimanapun, subsidi untuk minyak masak dalam paket satu kilogram dikekalkan dengan peruntukan RM4 bilion sepanjang tahun ini, bagi membolehkan ia dijual dengan harga RM2.50 sekilogram berbanding harga pasaran sebenarnya iaitu RM9 sekilogram bagi kegunaan domestik.

Sementara itu, itu, Persatuan Automotif Malaysia (MAA) sebelum ini menganggarkan harga kenderaan akan meningkat sehingga 10 peratus bermula hari ini selepas berakhirnya pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Inisiatif pengecualian SST ke atas kenderaan penumpang termasuk kenderaan pelbagai guna (MPV) dan kenderaan utiliti sukan (SUV) bagi model pemasangan tempatan (CKD) dan import sepenuhnya (CBU), berkuat kuasa sejak 15 Jun 2020.

Langkah itu diperkenalkan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 5 Jun 2020, yang merangkumi pengecualian cukai jualan 100 peratus bagi model CKD dan 50 peratus bagi model CBU.

Walaupun pengecualian itu berakhir, Kementerian Kewangan bersetuju melanjutkan tempoh pendaftaran kenderaan yang layak menikmati insentif pengecualian cukai itu sehingga 31 Mac 2023, bagi mengatasi isu lebih 264,000 kenderaan yang ditempah sebelum 1 Julai belum siap pemasangan akibat kekurangan cip mikro semikonduktor.

Pada masa sama, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dijangka mula mengambil tindakan terhadap pemegang LLM tamat tempoh bermula hari ini, selepas Pelanjutan Tamat Tempoh (Keesahan) LLM berakhir semalam.

Pengecualian memperbaharui LLM itu diberikan kepada pemegang Lesen Belajar Memandu (LDL), Lesen Memandu Percubaan (PDL), Lesen Memandu Kompeten (CDL) dan Lesen Vokasional (PSV/GDL), menerusi Kaedah 19 Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 sejak 14 Oktober 2021.

# KPDNHEP rayu tambah peruntukan tampung subsidi

**Kangar:** Kementerian Kewangan dirayu menambah peruntukan untuk menampung subsidi minyak masak berpaket dalam pasaran, kerana bekalan itu didapati mengalami kekurangan hampir di setiap negeri seluruh negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ketika ini, peruntukan untuk bekalan terbabit kekal untuk 60,000 tan sebulan.

"Kita sedia maklum, rata-rata laporan yang diterima kami adalah berlaku banyak kekurangan bekalan (minyak masak paket bersubsidi) sehinggakan rak di kedai runcit dan pasar raya yang menyediakan bekalan itu sudah kosong.

"Jadi kita merayu kepada Kementerian Kewangan untuk menambahkan sedikit lagi peruntukan kepada kita sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan kekurangan bekalan minyak masak paket bersubsidi yang sedang dialami ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) Peringkat Negeri Perlis di Brasmana Foodtruck and Flea Market, Kuala Perlis di sini semalam.

Rosol berkata, setakat ini Kementerian Kewangan dilihat belum dapat menguruskan permintaan itu menyebabkan kuota bekalan minyak paket bersubsidi kekal dengan kuota bulanan 60,000 tan.

Pada 26 Jun lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mencadangkan kuota tambahan sebanyak 10,000 tan metrik dapat ditambah bagi mengatasi masalah kekurangan minyak masak paket bersubsidi di pasaran.

Malah, permohonan cadangan itu dikemukakan oleh KPDNHEP kepada Kementerian Kewangan selepas didapati berlakunya kekurangan minyak masak paket bersubisi disebabkan ia kini menjadi pilihan utama pengguna ekoran kenaikan harga minyak masak botol.

Sementara itu, menyentuh perkembangan Program ReDI pula, seramai 3,919 peniaga kini beralih ke medium digital selepas program berkenaan diperluaskan ke pelbagai tempat di negara ini antaranya Putrajaya, Hulu Terengganu, Kapit, Sarawak, Pulau Pangkor, Labuan, Sandakan, Sabah selain Kuala Perlis sebagai lokasi terbaru Program ReDI.

# Permintaan tinggi punca bekalan habis

**Kuala Lumpur:** Permintaan tinggi dalam kalangan orang ramai terhadap minyak masak berpaket ketika ini, menyebabkan bekalan barangan keperluan bersubsidi itu cepat habis di mana sahaja lokasi yang menjualnya di seluruh negara.

Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Parlimen Gua Musang, Kelantan, menyaksikan 2,550 kilogram (kg) minyak masak berpaket habis dijual dalam masa hanya sejam semalam.

Tinjauan mendapati pengunjung datang seawal jam 8 pagi pada program anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu demi membeli bekalan minyak masak berkenaan yang dijual pada harga RM2.50 sepaket.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Gua Musang, Mohd Koma Shapii, berkata program dua hari bermula kelmarin itu mendapat sambutan amat menggalakkan, malah banyak barangan habis dibeli orang ramai sebelum masa jualan tamat.

"Antara barangan yang mendapat permintaan tinggi ialah ayam berharga RM7.90 sekilogram, telur RM10 sepapan dan minyak masak RM2.50 sekilogram.

"Pada program ini, 5,100kg minyak masak, 8,400kg ayam dan 500 papan telur ayam telah dijual. Setiap hari, kami menyediakan 150 kotak minyak masak peket untuk jualan dari jam 8.30 pagi hingga 2 petang," katanya kepada *BH*, semalam.

Di **Terengganu**, kekurangan bekalan minyak masak berpaket di negeri itu menyebabkan peniaga mengehadkan jualan antara 1kg hingga 3kg bagi setiap pelanggan.

Tinjauan di beberapa pasar raya dan pasar awam, mendapati peniaga tidak meletakkan minyak masak paket pada rak terbuka, sebaliknya di kaunter bayaran bagi mengelak pengguna mengambil kesempatan membeli minyak masak paket melebihi had.

Bagaimanapun, tinjauan mendapati minyak masak dalam botol berkapasiti dua hingga 5kg masih mencukupi, tetapi jualannya turut dihadkan bagi mengelakkan terputus bekalan.

Sementara itu di **Pulau Pinang**, peniaga makanan sekitar Georgetown, runsing memikirkan peningkatan kos yang terpaksa ditanggung selepas pemansuhan subsidi minyak botol dan khuatir ia akan memberi kesan terhadap masalah bekalan minyak paket yang dilihat semakin meruncing.

Peniaga nasi lemak dan nasi ayam di Taman Tun Sardon, Siti Fariza Hafadz, 35, mendakwa sudah dimaklumkan oleh pembekal berhubung kenaikan harga minyak botol 5kg yang dijangka melebihi RM10 hingga RM12 selepas 1 Julai.

"Jurang harga minyak paket dan berbotol terlalu jauh iaitu hampir RM6 bagi setiap kilogram dan kami menggunakan 10kg minyak setiap hari.

"Mujur kami masih boleh beli lima minyak paket setiap hari dengan syarat kami kena beli juga minyak dalam botol 5kg di samping membeli bekalan barang mentah lain seperti bawang, beras, ubi daripada pembekal yang sama," katanya.



*Tinjauan BH mendapati bekalan minyak masak paket habis dijual di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Alzuddin Saad/BH)